



**MODUL PINTAS**  
**TINGKATAN 5**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**

**1103/2**

$2\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**BAHASA MELAYU K2**  
**1103/2**

**Markah Penuh : 100 markah**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dan dibahagi kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata yang disenaraikan dengan betul. Walau bagaimanapun, markah maksimum untuk kata kerja transitif aktif dan kata kerja pasif yang disenaraikan ialah 2 markah masing-masing.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

**Soalan 1 – Morfologi**

**(a) Kata Kerja Transitif Aktif**

(i) mengambil alih –

1. menerima atau melaksanakan (tugas, penyiasatan kes, dokumen dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain.
2. Menguasai dan memiliki (hartanah, syarikat dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain
3. Mengawal atau menguasai (pemerintahan, negara, kuasa dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain

**PERHATIAN: Jawapan “mengambil” TIDAK diterima kerana kata kerja transitif dalam petikan ini ialah kata kerja transitif aktif majmuk.**

(ii) memastikan – menyatakan atau menentukan (seseorang atau sesuatu) dengan pasti

**[Maksimum: 2 markah]**

**(b) Kata Kerja Pasif**

Ada empat kata kerja pasif dalam petikan ini, iaitu *terfikir*, *dikenali*, *berjawab* dan *seimbangkan*.

- (i) Terfikir – *teringat atau terbayang (seseorang atau sesuatu) dalam fikiran*
- (ii) Dikenali – *diketahui dari segi sifat, rupa dan sebagainya dengan lebih mendalam*
- (iii) Berjawab – *ada balasannya*
- (iv) Seimbangkan – *dijadikan seimbang*

[Maksimum: 2 markah]

Contoh Jawapan:

Kata Kerja Transitif Aktif (KKTA)	Ayat	Markah
Mengambil alih	Azman akan <b>mengambil alih</b> tugas sebagai ketua kumpulan mulai hari ini.	1
Memastikan	Saya akan <b>memastikan</b> kebajikan para peserta program ini sentiasa diutamakan.	1
Kata Kerja Pasif (KKP)	Ayat	
Terfikir	Punca masalah itu masih belum <b>terfikir*</b> <b>oleh**</b> saya. <b><u>PERHATIAN KEPADA PEMERIKSA</u></b> *Jika calon menggunakan “terfikir” sebagai kata kerja transitif aktif, berikan <b>0 markah</b> , contohnya: Saya <b>terfikir</b> nasib yang menimpa golongan itu. (SALAH) Sepatutnya: Nasib yang menimpa golongan itu <b>terfikir</b> oleh saya. (BETUL)	1
	** penggunaan kata sendi nama “oleh” selepas kata “terfikir” adalah <b>wajib</b> sebagai penanda status “terfikir” sebagai kata kerja pasif	0
		1
Dikenali	Durian juga <b>dikenali</b> sebagai Buah Raja di negara kita.	1
Berjawab	Persoalan yang merumitkan itu tidak <b>berjawab</b> .	1
seimbangkan	Pelibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum <b>perlu kita seimbangkan</b> dengan aktiviti kebajikan dan kerohanian. <b><u>PERHATIAN:</u></b> Jika calon menggunakan kata “seimbangkan” dalam ayat perintah, berikan 0 markah. Contohnya: “Seimbangkan masa untuk aktiviti sukan dengan aktiviti pembelajaran,” pesan ibu kepada abang. (SALAH)	1
		0

[Maksimum: 4 markah; 2 daripada KKTA, 2 daripada KKP]

## Soalan 2 – Sintaksis

### Markah

- (i) Subjek: Daerah Yan yang terletak di Kedah ini 1  
Predikat: turut kaya dengan pelbagai khazanah semula jadi 1
- (ii) Subjek: Kawasan perkampungan, sawah padi dan petempatan nelayan 1  
Predikat: pula berpotensi untuk diketengahkan sebagai aset pelancongan 1  
kampung.
- ATAU**
- Subjek: Kawasan perkampungan, sawah padi dan petempatan nelayan 1  
pula  
Predikat: berpotensi untuk diketengahkan sebagai aset pelancongan 1  
kampung.
- (iii) Subjek: Pengiktirafan Daerah Yan sebagai kawasan warisan 1  
pelancongan semula jadi  
Predikat: amat bertepatan sekali 1

[Maksimum: 6 markah]

## Soalan 3 – Penyuntingan

Salah	Betul	Penjelasan	Markah
penganjuran	anjuran	Pengimbuhan	1
menyembahkannya	mempersembahkannya	Pengimbuhan	1
kreativiti	kreatif	Kesalahan penggunaan kata	1
meningkat	meningkatkan	Pengimbuhan	1
di dalam pemahaman	dalam pemahaman	Kesalahan bahasa : “di” tidak diperlukan kerana tiada konsep ruang	1
berdasarkan pada	berdasar pada/ berdasarkan	Kesalahan bahasa : <i>-kan</i> pada KKTT berdasarkan sudah membawa makna “pada”	1

ke jawatankuasa	kepada jawatankuasa	“Jawatankuasa” ialah pihak yang ditujui, bukan tempat	<b>1</b>
terdedah	terbuka	Kesalahan istilah	<b>1</b>
antara tiga dan lima minit	antara tiga dengan lima minit	Kesalahan bahasa. Penggunaan kata sendi nama “dengan” wajib digunakan bersama-sama dengan “antara”	<b>1</b>
sarikata	sari kata	Kesalahan ejaan	<b>1</b>
mengemelkan	meng-e-melkan	Kesalahan ejaan	<b>1</b>

[Maksimum: 11 markah]

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.**

Deskripsi	MARKAH
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, ayat mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Kedengaran/Sampailah khabar/berita ke Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati/meninggal dunia kerana sakit sehingga muntah darah dan adanya seolah-olah kena panah/dipanah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar/berita itu, baginda bertitah, “Benarlah Tuan Sidi Arab ini seorang hamba Allah yang mempunyai keramat/sakti/kelebihan/keistimewaan.”

Baginda memuji Tuan Sidi Arab dan dianugerahi oleh baginda dengan selayaknya/ setimpalnya/kemampuan.

[Maksimum: 4 markah]

**Soalan 5 – Peribahasa**

- i. Melentur buluh biarlah dari rebungunya 2
- ii. Menyelam sambil minum air 2
- iii. Duduk sama rendah berdiri sama tinggi 2

[Maksimum: 6 markah]

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

### Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan pemarkahan soalan pemahaman

#### 1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan salah	0

#### 2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis	3
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup/tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

#### 3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) /relevan dengan tugas/ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi)/ayat gramatis	3
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi)/ayat gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

## Soalan 6

- i. Rangkai kata *menjana pendapatan* bermaksud menghasilkan gaji/mata pencarian 2
- ii. Kebaikan

### Bahan 1

- P1 barang terbuang serta kreatif boleh diolah menjadi sesuatu barangan lain yang berlainan fungsi  
P2 boleh dijual di tempat kitar semula  
P3 menjaga alam sekitar

### Bahan 2

- P1 membantu pengurangan bahan terbuang  
P2 mengurangkan pembaziran penggunaan sumber semula jadi

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup:2 isi]**

- iii. Faktor-faktor  
P1 sikap mementingkan diri/ tidak bertanggungjawab/ tidak bekerjasama  
P2 kurang pengetahuan tentang kepentingan amalan kitar semula/ kurang didikan  
P3 kurangnya kesedaran/ kempen  
P4 kurang kreatif/ tiada masa/kesibukan

**(faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

- iv. Tindakan-tindakan  
P1 memberikan nasihat/ memujuk/ motivasi/ kata-kata semangat/ perangsang  
P2 mendapatkan bantuan/ mendapatkan khidmat nasihat daripada guru kelas/ kaunselor  
P3 mengajak rakan ke pameran inovasi  
P4 berkongsi maklumat tentang kejayaan diri sendiri/ orang lain melalui media sosial/ Internet  
P5 memaklumkan sijil/ hadiah/ ganjaran yang akan diterima

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

## Soalan 7

- i. Matlamat  
P1 rezeki  
P2 ibadat

[Maksimum : 2 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

- ii. Kemajuan yang telah dicapai

### **Bahan 1**

- P1 aman sentosa  
P2 ekonomi diperkasa

### **Bahan 2**

- P1 masyarakat/rakyat/penduduk kampung bebas beribadat  
P2 meraikan kemerdekaan dengan meriah  
P3 penduduk kampung bebas keluar masuk estet

### **Bahan 3**

- P1 Malaysia negara berdaulat  
P2 sejahtera dan aman  
P3 ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang

**(Jawapan mesti daripada semua bahan)**

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

- iii. Tujuan program

- P1 menghayati pengorbanan pejuang kemerdekaan  
P2 memahami kronologi sejarah kemerdekaan  
P3 menanamkan semangat patriotik/nasionalisme  
P4 mengeratkan hubungan antara kaum  
P5 melahirkan pelajar yang kreatif

**(Tujuan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

- iv. Tindakan-tindakan

- P1 membuat perjumpaan dengan ahli kumpulan  
P2 membentuk jawatankuasa/ pembahagian tugas  
P3 menentukan bentuk/ jenis persembahan  
P4 mengadakan/ menjalani latihan  
P5 menyediakan peralatan/ pakaian yang sesuai

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]



## Soalan 8

(i) Sebab-sebab Adnan semakin bersemangat

- P1 semangat itulah yang ayah suka
- P2 Ayah doakan kamu/Adnan berjaya
- P3 berlatihlah bersungguh-sungguh
- P4 emak, ayah dan adik-adik Adnan akan hadir masa pertandingan itu nanti

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

### Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul
- d) Bagi 1 markah bagi huraian yang lengkap/jelas bagi setiap peristiwa
- e) Markah isi maksimum 4 markah ( 2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

### Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa Leftenan Adnan yang telah dikepung dan ditangkap lalu diseret di dalam guni sebelum digantung pada pokok ceri. Kemudian, Leftenan Renya Mutuguchi menyeksa Adnan sehingga pengsan. Apabila Adnan sedar, dia diseksa lagi sehinggalah Adnan meninggal dunia kerana perutnya ditikam dengan bayonet.

Huraian: Pengorbanan seorang pejuang dalam mempertahankan tanah air sehingga ke titisan darah terakhir

2. Peristiwa Adnan terpaksa menghantar anak-anak dan isterinya pulang ke kampung kerana desas-desus mengatakan bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu.

Huraian: Perpisahan antara keluarga demi keselamatan mereka

3. Peristiwa kematian Mak Milah, isteri Pak Saidi yang kehilangan dua orang anak dalam masa seminggu iaitu Ahmad dan Adnan. Pak Saidi reda menerima ujian itu kerana baginya Allah memberikan ujian untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Huraian: Kehilangan orang yang tersayang secara berturut-turut dalam jangka masa yang singkat.

4. Peristiwa Sophia terpaksa mencari pendapatan sendiri kerana ibu dan ayahnya sakit. Pada sebelah pagi, Sophia menoreh getah manakala sebelah petang pula menanam padi.

Huraian: Seorang wanita terpaksa memikul tanggungjawab yang berat untuk menyara diri dan keluarganya.

5. Peristiwa penduduk kampung mengejek atau mencemuh Pak Saidi kerana menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris. Mereka beranggapan bahawa dengan menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris boleh memesongkan akidah anak-anak mereka.

Huraian: Penghinaan yang terpaksa diterima oleh seorang bapa untuk memastikan anak-anaknya berjaya.

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.**

### **Tirani**

1. Peristiwa Waheeda diejek oleh rakan-rakan sewaktu zaman sekolahnya kerana berhidung pesek. Dia sering kali menangis kerana diejek oleh rakan-rakannya hanya kerana wajahnya yang tidak cantik.

Huraian: Perasaan rendah diri seorang gadis apabila wajahnya menjadi ejekan.

2. Peristiwa kemesraan Doktor Zahari dengan Waheeda kerana dia kerap mengunjungi kediaman Bazilah. Waheeda terpaksa melayan Doktor Zahari di ruang tamu kerana Bazilah sibuk menelaah dan sering memerap di dalam bilik untuk menyiapkan kajian dan bahan tesisnya. Bazilah berasa cemburu terhadap kemesraan mereka sehingga menyebabkan hubungan Waheeda dan Bazilah menjadi renggang.

Huraian: Hubungan persahabatan yang menjadi renggang akibat perasaan cemburu dan salah faham

3. Peristiwa Waheeda bersalin tanpa ditemani dan dilawati oleh suaminya, Zahid tetapi hanya ditemani oleh ibunya, Raidah. Zahid tidak menghiraukan Waheeda yang sedang berjuang untuk melahirkan bayi mereka.

Huraian: Keadaan seorang isteri yang tidak ditemani dan dilawati oleh suami sendiri semasa dan selepas bersalin begitu menyedihkan.

4. Peristiwa Waheeda diceraikan oleh Zahid dengan talak satu di hadapan ibu dan ayah Waheeda. Zahid tidak berpuas hati dengan wajah bayi mereka yang baru dilahirkan kerana wajah bayi itu tidak mewarisi kecantikan wajah Waheeda. Wajah bayi itu lebih mirip wajah asal Waheeda sebelum pembedahan.

Huraian: Seorang wanita diceraikan tanpa belas kasihan dan nasib seorang bayi yang tidak diakui oleh bapa kerana wajah yang tidak cantik.

5. Peristiwa Waheeda sakit meroyan sehingga bercakap merapu akibat tekanan perasaan. Selepas bersalin dan diceraikan oleh Zahid, Waheeda menghadapi tekanan perasaan atau kemurungan. Ibunya, Raidah telah menghantar Waheeda untuk mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) di Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kemurungannya itu.

Huraian: Pengabaian suami menyebabkan isteri kemurungan sehingga memerlukan rawatan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.**

## Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- a) Isi maksimum- **20 markah**  
 b) Bahasa maksimum- **10 markah**

### (a) Isi [20 markah]

#### Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan *nombor* atau perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, **selebihnya tidak perlu diperiksa.**
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan betul.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan isi diterima										Markah Maksimum
(i)Pendahuluan												2
(ii)Isi Bahan 1												16
Fokus 1 (cabaran/halangan/kekangan/masalah)	4	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1	
Fokus 2 (kebaikan/faedah/kelebihan/manfaat)	3	2	1	1	3	2	2	3	3	2	3	
(iii)Isi Bahan 2												
Fokus 2 (kebaikan/faedah/kelebihan/manfaat)	3	1	2	1	1	2	1	2	1	2	2	
(iv)Isi Bahan 3												
Fokus 3 (langkah/cara/usaha)	3	1	1	2	1	1	2	1	2	2	2	
Jumlah Isi	13	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
(v)Penutup/Kesimpulan												2
Jumlah Markah											20	

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH BAHASA</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>Cemerlang</b>	<b>8-10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik</li><li>• Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Baik</b>	<b>5-7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat baik</li><li>• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Sederhana</b>	<b>3-4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li><li>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Lemah</b>	<b>1-2 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami</li></ul>

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik* markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum:10 markah]

**Pendahuluan [2 markah]**

- P1 membincangkan cabaran-cabaran/halangan/kekangan/masalah-masalah, kebaikan-kebaikan/faedah-faedah/manfaat-manfaat industri akuakultur dan langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha untuk memajukan industri akuakultur. 2
- P2 membincangkan cabaran-cabaran/halangan/kekangan/masalah-masalah dan kebaikan-kebaikan/faedah-faedah/manfaat-manfaat industri akuakultur 1
- P3 membincangkan cabaran-cabaran/halangan/kekangan/masalah-masalah dan langkah-langkah/cara-cara/ usaha-usaha untuk memajukan industri akuakultur. 1
- P4 membincangkan kebaikan-kebaikan/faedah-faedah/manfaat-manfaat industri akuakultur dan langkah-langkah/cara-cara/ usaha-usaha memajukan industri akuakultur. 1

**Isi [16 markah]****BAHAN 1****Fokus 1 – Cabaran/halangan/kekangan/masalah industri akuakultur**

- A1 kesukaran pengusaha untuk memasarkan hasil ternakan mereka 2
- A2 peningkatan kos operasi 2
- A3 kurangnya permintaan daripada pengusaha perhotelan dan restoran 2
- A4 Pengusaha juga terpaksa menanggung kos tambahan makanan ternakan, buruh dan tenaga elektrik yang tinggi 2

**Fokus 2 – Kebaikan/faedah/manfaat industri akuakultur**

- B1 mempermudah usaha penduduk setempat untuk mendapatkan produk akuakultur 2
- B2 meningkatkan permintaan ikan air tawar 2
- B3 pengurangan campur tangan orang tengah 2

## **BAHAN 2**

### **Fokus 2– Kebaikan/faedah/manfaat industri akuakultur**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| C1 | berjaya meningkatkan pengeluaran sebanyak 325 juta ikan hiasan                 | 2 |
| C2 | menjanakan pulangan yang lumayan bernilai RM340 juta kepada pendapatan negara. | 2 |
| C3 | menyediakan peluang pekerjaan  | 2 |

## **BAHAN 3**

### **Fokus 3 – Langkah/ cara/usaha**

- |    |                                 |   |
|----|---------------------------------|---|
| D1 | Menetapkan jaminan kualiti      | 2 |
| D2 | Meningkatkan produktiviti       | 2 |
| D3 | Memajukan teknologi dan inovasi | 2 |

### **Kesimpulan [2 markah]**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, industri akuakultur hendaklah digalakkan/disokong/diperluas agar dapat berkembang maju/pesat | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, industri akuakultur hendaklah digalakkan/disokong/diperluas                                  | 1 |

## **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**